

29 JUL 2004

LID-Abdullah (Media)

ABDULLAH GEMBIRA Pengerusikan LID Untuk Pertama Kali

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mempengerusikan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) untuk pertama kalinya hari ini, melahirkan rasa gembiranya yang dialog Perkongsian Pintar itu berlangsung semasa beliau menerajui negara.

Semasa melahirkan ucapan terima kasihnya kepada pemimpin dan perwakilan dari negara-negara membangun di atas kehadiran mereka di Langkawi, beliau berjanji akan meneruskan komitmen kerajaan Malaysia terhadap pergerakan Perkongsian Pintar itu.

"Semasa kita mengadakan dialog lepas di Langkawi (pada 2002), saya ditanya oleh beberapa orang pada sesi penutup apa yang akan berlaku selepas (bekas Perdana Menteri, Tun) Dr Mahathir Mohamad bersara.

"Pada masa itu saya berjanji yang kita akan mengadakan LID, dan hari ini saya gembira yang ia menjadi realiti," kata beliau pada sesi pertemuan Ketua Negara/Kerajaan dengan media pada hari pertama LID yang berlangsung selama tiga hari, di sini.

"Kerajaan Malaysia akan terus komited untuk mengadakan dialog ini apabila giliran kami tiba," kata Abdullah yang mengambil alih sebagai penangguh tugas bagi perbincangan perkongsian pintar tahun ini daripada Raja Mswati III dari Swaziland.

Oleh kerana ia adalah kali pertama beliau mempengerusikan dialog Langkawi itu, Perdana Menteri berharap mendapat kerjasama daripada peserta LID bagi memastikan kejayaan dialog dwitahunan itu yang diadakan di perkarangan Pelangi Beach Resort.

Oleh kerana LID telah wujud sejak 10 tahun lalu, Abdullah berkata beliau menjangka peserta dialog akan mengetengahkan lebih banyak cadangan berkaitan apa yang perlu dilakukan untuk tempoh 10 tahun akan datang ke arah merencanakan lagi pembangunan di negara-negara membangun Selatan.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada King Mswati III dari

Swaziland,

yang menjadi penaung bagi dialog Global 2003 di Ezulwini.

Abdullah menemui King Mswati dua bulan lalu dalam persediaannya menjayakan siri ketujuh LID ini.

Perdana Menteri berkata perbincangan di Langkawi akan menumpukan terutamanya kepada isu-isu kemiskinan, pembangunan dan keselamatan.

Konsep Perkongsian Pintar dirintis oleh Malaysia semasa ia menjadi tuan

rumah kepada LID pada 1995. Ia kemudiannya menghasilkan acara yang sama

dalam bentuk Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Sementara itu, dengan merujuk kepada tema LID "Ke Arah Dunia Lebih

Pintar: Menyatukan Cabaran Pembangunan Dengan Keselamatan Dunia Menerusi

Dialog," Presiden Namibia Dr Sam Nujoma berkata satu daripada cabaran

tersebut adalah kemiskinan yang dihadapi oleh penduduk di setiap ceruk

rantau dunia.

Beliau menegaskan kepentingan bagi perpaduan, perkongsian idea dan

pindahan teknologi agar negara yang masih ketinggalan terutamanya di dunia

membangun boleh menyaingi negara-negara yang lain.

"Kami menyambut baik idea daripada komuniti perniagaan dan juga mempelawa kesatuan sekerja menyertai kami dalam usaha membasmi kemiskinan,"

katanya.

Bekas Presiden Sir Ketumile Masire dari Botswana pula memuji pimpinan

Malaysia dalam pembangunan negara-negara Selatan.

"Kami tidak takut apa-apa pun kerana anda sentiasa bersama kami. kami

sangat kagum dengan cara Malaysia menyediakan pimpinan (kepada negara

membangun lain)," katanya.

Menegaskan lagi maksud kata-katanya itu, beliau berkata: "Saya rasa

kami memerlukan Malaysia lebih daripada Malaysia memerlukan kami.

Anda

telah banyak membantu kami mungkin lebih banyak daripada kami semua sekaligus membantu anda (dari segi meningkatkan kepentingan negara-negara

Selatan).

-- BERNAMA

MAM TOM ZK